

USAHAWAN

MAJALAH IKON BERJAYA

CARA
MENGHADAPI
CABARAN

Bukan Senang Untuk Berjaya

**ENCIK
MUHAMMAD
AFIQ IQBAL BIN
MOHD NAZRI**

Kunci kejayaannya



ISI KANDUNGAN



- | | |
|-----|------------------------------------|
| 1 | Editor-editor |
| 2 | Profil Usahawan |
| 3-5 | Profil Syarikat |
| 6 | Produk dan Perkhidmatan |
| 7 | Faktor Kejayaan |
| 8 | Isu dan Cabaran |
| 9 | Pencapaian |
| 10 | Nasihat Kepada Usahawan Masa Depan |

Pautan Temu Bual: [Temu bual En. Muhammad Afiq Iqbal Bin Mohd Nazri.mp4 - Google Drive](#)

Kata-kata Editor

Selamat Sejahtera, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Encik Muhammad Afiq Iqbal Bin Mohd Nazri yang meluangkan masa beliau untuk menerima ajakan bertemu bual dengan kami. Encik Afiq telah banyak berkongsi pengetahuan dan nasihat kepada kami. Seterusnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah yang banyak membantu kami, iaitu Dr. Syamsul Hendra Bin Mahmud dan juga semua ahli kumpulan yang memberi kerjasama untuk menyempurna majalah ini bersama-sama.



Profil Usahawan

MUHAMMAD AFIQ IQBAL BIN MOHD NAZRI

Encik Afiq Iqbal dilahirkan pada 4 Januari 1991 di Pasir Mas Kelantan. Beliau pernah memohon Diploma Ukur Bahan di Universiti Teknologi Malaysia tetapi mendapat tawaran Diploma Ukur Tanah yang bukan dia harapkan. Jadi, beliau menolak tawaran tersebut dan membuat keputusan untuk kemasukan Program Matrikulasi selama 1 tahun. Selapas itu, beliau mempelajari kursus Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan Semester 1 di Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka pada umur 20 tahun. Pada masa yang sama, beliau bermula perniagaannya dengan menjual pakej pelancongan. Selepas Encik Afiq Iqbal tamat pembelajaran pada umur 22 tahun, beliau terus berkecimpung dalam bidang perniagaan secara penuh masa.



“Saya merupakan seorang yang suka menghadapi cabaran besar”



Sebagai seorang usahawan, Encik Afiq berasa menikmati kerana beliau suka menghadapi cabaran besar, tidak suka bekerja gaji tetap. Beliau menyatakan kalau kami bekerja dengan orang lain, hanya membuat kerja yang sama seperti robot, bekerja megikut masa yang ditetapkan pada setiap hari dan tanpa menghadapi sebarang cabaran. Beliau lebih suka bisnes walaupun bisnes agak susah dan stres kerana perlu memikirkan banyak perkara seperti pasal rantam, staf, logistik dan lain-lain. Tetapi bagi orang yang suka menghadapi cabaran, dia akan berasa menikmati semasa berfikir dan membuat keputusan. Beliau juga memberitahu, jika kami membuat keputusan untuk

bisnes, kami perlu mengenalpasti sifat sendiri terlebih dahulu. “Contohnya, kalau kamu seorang pengikut yang baik, kamu harus mengikuti pemimpin atau mentor yang baik agar menjadikan kamu seorang yang cemerlang”. Encik Afiq sekarang menjalankan dua bisnes sendiri iaitu sebuah syarikat agensi pelancongan ‘Bahtera Kembara Holidays Sdn. Bhd.’ dan penjualan produk penyembur lipas ‘Kill-It Spray’

Profil Syarikat



BAHTERA KEMBARA HOLIDAYS SDN. BHD.

Encik Afiq Iqbal merupakan pengasas Bahtera Kembara Holidays Sdn. Bhd..

Syarikat ini didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1956 pada 10 September 2008, yang dikenali sebagai Buloh Mas Travel & Tours Sdn Bhd sebelum menukar namanya pada 8 September 2014, yang berlesen sepenuhnya atas nama Bahtera Kembara Holidays Sdn Bhd. Syarikat pelancongan ini menyediakan pelancongan antarabangsa dan domestik, tiket penerbangan domestik, percutian hujung minggu untuk pengembara bajet, insurans perjalanan dan menyediakan perkhidmatan yang komprehensif, katering untuk kumpulan dan individu.

Sebagai ejen pelancongan, Bahtera Kembara Holidays dibentuk untuk memberikan penyelesaian kepada orang yang memerlukan lawatan yang memenuhi keperluan mereka. "Adalah memuaskan apabila mengetahui bahawa kami dapat membantu pelanggan melancong dan melihat dunia luar dengan harga yang murah dan selesa."

Semua perkhidmatan dan operasi terletak di pejabat, PT 577 Tingkat 1 Bandar Baru Tasek Raja 17000 Pasir Mas, Kelantan. Syarikat ini mempunyai pasukan yang kuat dengan berbekalkan kakitangan seramai 10 orang dan lebih daripada 1000 ejen di seluruh Malaysia untuk berurus dengan pelanggan.

VISI SYARIKAT

BAHTERA KEMBARA HOLIDAYS adalah salah satu daripada syarikat pelancongan & pelancongan terbesar di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan perjalanan yang berpatutan melalui dalam talian dan luar talian. Kami berdedikasi untuk menjadikan kami syarikat penyumbang aktif dalam pembangunan Industri Pelancongan Malaysia.

MISI SYARIKAT

Keutamaan BAHTERA KEMBARA HOLIDAYS adalah untuk bawa semua orang ke dunia. Kami adalah komited untuk menawarkan perkhidmatan kami yang berpatutan kepada semua pengembara bajet. Kami menyediakan penyelesaian menyeluruh kepada pelanggan kami melalui bayaran ansuran. Untuk menjaga pelanggan sedia ada kami, memenangi pelanggan baru dan memastikan kepuasan pelanggan total, kami menyediakan perkhidmatan yang dipercayai,

Bahtera Kembara Holidays mempromosikan pakej dan perkhidmatan pelancongan secara atas talian dengan menggunakan laman web rasmi, *Instagram* dan *Facebook*. Pelangan adalah senang untuk menghubungi mereka dan mendapat informasi tentang pakej-pakej yang ditawarkan.

Laman-laman Web Rasmi Bahtera Kembara Holidays



Instagram Bahtera Kembara Holidays



bahterakembaraholidays_hq

[Follow](#)

6,126 posts 65k followers 7,435 following

Bahtera Kembara Holidays S/b

HEAD QUARTERS BKH

Follow kami untuk dapatkan Pakej Percutian
www.bahterakembaraholidays.com

#BahteraKembaraHolidays

#TeamBahteraKembaraHolidays linktr.ee/HQbahterakembarah



MALDIVES



DM ME NO...



KOREA



DALAT & M...



LOMBOK



SINGAPO

RECENTS

IGTV

TAGGED

Facebook Bahtera Kembara Holidays



Bahtera Kembara Holidays

@bahterakembara - Eco Tour Agency

[Use App](#)

[wasap.my](#)

[Like](#)

[Message](#)

[...](#)

Home

Reviews

Photos

Videos

More

About

See All

Pakej Percutian Termurah Di Malaysia, Lihat Feedback dari Customer kami.

Pakej Percutian Termurah Di Malaysia, Lihat Feedback dari Customer kami.

138,946 people like this

140,451 people follow this

<http://www.bahterakembaraholidays.com/>

019-391 4742

Typically replies within a day

[Send Message](#)

bahterakembaraholidays@yahoo.com

Price Range - \$



Create Post

[Photo/Video](#)

[Check in](#)

[Tag Friends](#)

Bahtera Kembara Holidays

November 19, 2017 ·

40 TYPES OF EATING THAT YOU MUST TRY WHEN YOU GO TO HATYAI..

If I feel like my mouth is always watering, I will definitely invite my husband to let go of his appetite at Hatyai. Because only hatyai is the closest to the border of Malaysia. Want to drive far from Kl to Hatyai but far away. Luckily the Ark Kembara has made a Package there every month and brought it to the best dining room. Pay RM20 and eat until you're full. Thank you Ark Kembara-Kak Nora,

KILL-IT SPRAY



Encik Afiq membuat keputusan untuk memulakan bisnes lain kerana pandemik COVID-19 yang berlaku menyebabkan bisnes pelancongan sukar beroperasi. Jadi, beliau mula mencari sesuatu produk yang dapat menyakinkan pelanggan dengan menyelesaikan masalah dan memberi kesan secara berterusan selepas menggunakan produk itu. Beliau ingin mencari sesuatu produk yang dapat memberi pulangan bisnes dengan cepat.

“Dalam realiti bisnes memang tiada bisnes yang bermula pada hari ini dapat menjual pada hari ini. Maksud saya, bisnes orang lain mungkin mengambil masa beberapa bulan tetapi bisnes saya mungkin mengambil masa satu atau dua bulan sudah dapat menjual. Saya menjumpai produk penyembur lipas semasa mencari produk yang ingin diurusniagakan dan produk ini adalah sesuai dengan kemahuan saya. Ini adalah kerana penyembur lipas dapat memberi kesan penggunaan yang segera, contohnya dalam 5 atau 10 minit selepas penggunaan kami dapat nampak kesannya. Yang kedua adalah ia sangat membantu dalam menyelesaikan masalah orang kerana masalah lipas selalu dijumpai di bilik, tandas dan dapur rumah kami dan kebanyakan orang takut terhadap lipas. Berikut adalah sebab saya memilih untuk menjual produk ini di pasaran.” Encik Afiq menyatakan.

Kill-It Spray Lipas dan Serangga

@spraykillit · Beauty, Cosmetic & Personal Care

Send Message

Home About Photos Videos More ▾

Strategi Pemasaran

Encik Afiq menjual produk ini secara atas talian dan mencari banyak ejen pengedar untuk menjual produk ini. Beliau mendorong agent-agent untuk meningkatkan hasil jualan dengan memberi ganjaran.

Instagram




Beliau menerangkan sebab menjual produk secara atas talian, “setakat ini ialah kedai atas talian sahaja kerana memandangkan keadaan pandemik COVID-19 ini, contohnya pada masa PKP dari bulan 3 hingga bulan 6 itu, kami tidak dibenarkan untuk keluar ke mana-mana. Oleh itu, kami tidak memerlukan kedai untuk berniaga dan hanya berniaga secara atas talian. Semua pesanan hanya dijalankan secara atas talian melalui telefon, kami tidak perlu pergi ke kedai itu atau berjumpa dengan penjual, barang pesanan boleh didapati dari mana-mana negara seperti China dalam beberapa hari. Kalau perlu adakan kedai, saya boleh menjadi ‘parasite’ yang mengambil produk sendiri dan meletakkannya di kedai orang lain untuk dijual.” Beliau mempromosikan produk dalam *Facebook* dan *Instagram*.

Produk & Perkhidmatan

Contoh pakej dan servis pelancongan yang Bahtera Kembara Holidays menawarkan



KILL-IT SPRAY



1. Membunuh lipas atau serangga tersembunyi tanpa perlu cari sarang serangga tersebut
2. Satu semburan penuh boleh mematikan lebih 50 ekor lipas atau serangga dan tahan sehingga 1-3 bulan tanpa lipas
3. Semburan automatik dan selamat digunakan di rumah dan kereta
4. Mengeluarkan bau fresh lemon
5. Mempunyai sijil dari Pusat Racun Negara

Boleh beli dengan mana-mana ejen pengedar yang sah!



Kill-It Spray (Single)
300ml
RM35.00



Kill-It Spray (Double)
300ml x2
RM70.00



Kill-It Spray (Tribal)
300ml x3
RM100.00

Faktor Kejayaan



2. Menggunakan strategi pemasaran yang berkesan

Encik Afiq Iqbal mengatakan bahawa beliau menggunakan USP, iaitu Unique Selling Proposition yang bermaksud kelainan daripada orang lain untuk bersaing dengan syarikat pelancongan orang lain. Penggunaan USP dapat menunjukkan keunikan perniagaan pelancongannya dan membekalkan maklumat perniagaannya seperti maklumat pakej pelancongan secara terperinci melalui bentuk perkataan yang ringkas.

Selain itu, syarikat Encik Afiq Iqbal, iaitu Bahtera Kembara Holidays Sdn. Bhd. menyediakan weekend getway, iaitu trip yang dijalankan pada setiap hujung minggu yang membolehkan ramai orang tempatan dapat melancong ke Singapura, Krabi, Hatyai dan tempat lain pada setiap minggu.

Alternatif trip harian juga disediakan untuk pelanggan yang merangkumi kunjungan ke semua tarikan tempat pelancongan yang utama dengan harga pakej pelancongan yang murah.

1. Berani menghadapi risiko perniagaan dan sentiasa berfikiran positif

Walaupun ramai orang mempunyai tanggapan bahawa menjalankan bisnes adalah “tentu rugi, untung belum pasti”, tetapi Encik Afiq Iqbal berpendapat bahawa rugi itu adalah bagi orang yang tidak mengusahakan apa-apa dan cuba untuk berjuang dalam kehidupannya. Encik Afiq Iqbal merupakan seorang yang suka dan sanggup menghadapi cabaran dalam perniagaannya kerana ini dapat meningkatkan pencapaian kepada perniagaan pelancongannya.

Fikiran yang negatif sentiasa dipinggirkan oleh Encik Afiq Iqbal dalam menjalankan perniagaannya. Sebagai bukti, beliau berusaha menceburi dalam bidang perniagaan lain semasa perniagaan pelancongannya menghadapi kesusahan iaitu memilih untuk menjual produk penyembur lipas yang membawa peluang perniagaan baru dan keuntungan kepada beliau melalui perusahaan yang gigih.

3. Penggunaan teknologi dalam menjalankan urus niaga jual beli produk

Mengikut Encik Afiq Iqbal, beliau menggunakan BIZ App yang merupakan suatu teknologi yang membolehkan transaksi dapat dijalankan secara atas talian untuk menjual produk penyembur lipas. Bagi mereka yang tiada BIZ App, mereka boleh menggunakan BIZ shop yang serupa laman web dengan hanya memberikan link produk tertentu untuk membeli barang itu daripada BIZ shop.

Encik Afiq Iqbal berpendapat bahawa penggunaan teknologi pada zaman sekarang adalah sangat penting untuk menjual sesuatu produk kerana pembaharuan teknologi sentiasa berlaku dan peniaga perlu sedar terhadapnya supaya kekal bersaing dengan syarikat lain yang serupa.

Isu dan Cabaran

Encik Afiq Iqbal mengatakan bahawa, pandemik COVID-19 yang berlaku pada tahun ini merupakan cabaran besar kepada perniagaan beliau kerana bisnesnya tidak dapat beroperasi dengan baik. Oleh kerana perniagaan beliau adalah perkhidmatan pelancongan, ini menyebabkan bisnesnya sukar untuk dijalankan secara atas talian bagi menjual pakej pelancongan kerana perniagaan tersebut lebih sesuai untuk dijalankan secara bersemuka bersama dengan pelanggan di mana dapat membekalkan maklumat pelancongan yang lebih lanjut dan menyakinkan para pelanggan terhadap syarikat pelancongannya.



Pembuatan keputusan untuk menceburi dalam perniagaan lain yang baru disebabkan perniagaan pelancongan Encik Afiq Iqbal yang dipengaruhi oleh pandemik COVID-19 juga merupakan satu cabaran yang dihadapi oleh beliau kerana perniagaan baru mungkin tidak dapat mendatangkan keuntungan yang dijangkakan oleh beliau dengan segera. Setiap perniagaan mesti mempunyai persaingan dengan syarikat lain yang menjual produk atau perkhidmatan yang serupa terutamanya bagi bisnes baru yang tidak mempunyai pengguna sedia ada dan reputasi produk yang tinggi.

Pencapaian

- Syarikat pelancongan berjaya memperoleh keuntungan sebanyak RM 872 088 pada tahun 2016
- Syarikat pelancongan berjaya memperoleh keuntungan sebanyak RM 704 726 pada tahun 2017
- Menghadiri rancangan televisyen di Astro Oasis saluran 106 dan Maya HD saluran 135 pada Julai 2017
- Menghadiri rancangan televisyen di Astro 502 (Bernaman TV) pada November 2017
- Team Office Syarikat berjaya mencapai amaun penjualan pakej pelancongan yang berjumlah RM 10 000 pada 27 April 2018



Matlamat Berniaga

Matlamat Encik Afiq bekerja dalam kedua-dua bidang perniagaan adalah sama iaitu untuk memperolehi pendapatan, membeli rumah, kereta, membawa kegembiraan atau memberi kesenangan kepada keluarga. "Matlamat adalah penting untuk meningkatkan semangat seseorang dalam menjalankan sesuatu perkara. Matlamat perniagaan boleh bergantung kepada keadaan sedia ada, contohnya apabila mempunyai tenaga buruh yang banyak, saya akan memikirkan dan mempertimbangkan masalah-masalah berkenaan seperti cara untuk membayar gaji kepada staf, rantam dan menyelesaikan masalah tentang pekerja yang dihadapi. Bagi saya yang menjalankan perniagaan pelancongan dan menjual produk penyembur lipas, matlamat utama saya lebih mementingkan untuk membawa pendapatan kepada orang lain. Saya akan cuba untuk membekalkan bantuan kepada orang lain dan mengajar mereka tentang teknik penjualan yang berkesan terlebih dahulu di mana situasi ini juga dapat membantu untuk meningkatkan pendapatan saya pada masa depan."



Nasihat Kapada Usahawan Masa Depan

RAJIN

Seseorang yang ingin menjadi usahawan mesti memiliki sifat kerajinan dan sentiasa berusaha dalam perjalanan mencapai kejayaan. Mereka harus mempunyai komitmen yang tinggi terhadap perniagaan yang dijalankan. Encik Afiq Iqbal mengatakan bahawa sesuatu perkara yang kami lakukan harus dijalankan sehingga berjaya, jangan mudah menghentikan perjuangan diri untuk mencapai kejayaan.

Semasa waktu cuti sekolah, pelajar boleh bercuba untuk memulakan latihan untuk menjual barang kerana ia akan menambah pengalaman dan memberi suatu gambaran tentang perkara yang boleh dilakukan selepas seseorang pelajar itu tamat pembelajaran

Encik Afiq Iqbal juga menggalakkan para pelajar yang ingin menjadi usahawan pada masa akan datang perlu berusaha untuk menjadi orang yang berlainan dengan orang lain seperti berusaha untuk mencari keuntungan apabila mempunyai masa lapang dengan mengelakkan menggunakan masa lapang itu untuk tujuan hiburan sahaja.





🌐 <https://bkholidays.blog/v1/>

FACEBOOK Bahtera Kembara Holidays

INSTAGRAM bahterakembaraholidays_hq



FACEBOOK Kill-It Spray Lipas dan Serangga

INSTAGRAM spray_lipas_killit

